

17/03/2004

Melayu Pulau Pinang diminta beri sokongan

BUTTERWORTH: Penduduk Pulau Pinang, khususnya orang Melayu harus berasa beruntung dan bersyukur kerana Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Perdana Menteri menggantikan Tun Mahathir Mohamad.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata selepas era kepimpinan Abdullah mungkin tidak ada lagi anak Pulau Pinang yang akan dilantik sebagai Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau meminta penduduk Pulau Pinang menolak pelbagai isu remeh yang ditimbulkan pembangkang sepanjang kempen pilihan raya ini, sebaliknya memberi sokongan padu kepada Abdullah dengan memilih semua calon Barisan Nasional (BN).

Beliau yang juga calon Parlimen BN Balik Pulau berkata, rakyat Pulau Pinang tidak ada pilihan, selain memberi sokongan padu kepada BN dan tidak harus menimbulkan isu yang boleh menggagalkan peluang BN.

"Pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri bukan saja menaikkan imej Pulau Pinang, malah orang Melayu di negeri ini perlu berasa beruntung dan bersyukur," katanya ketika menutup kursus pengenalan 100 anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) di Kuala Muda, Penaga dekat sini, semalam.

Dr Hilmi berkata, kerajaan Pulau Pinang melaksanakan tanggungjawabnya dengan cara terbaik, terutama dari segi projek pembangunan dan rakyat sendiri boleh menilai pelbagai projek yang dilaksanakan.